





## [Experts](#)

# Daripada wira negara kepada mentor komuniti: Faizal Saari cetus inspirasi buat pelajar UMP SA

30 May 2025

Gelanggang Hoki Kompleks Sukan Pahang (SUKPA), Kuantan sekali bergema dengan sorakan semangat apabila lagenda hoki negara, Faizal Saari, kembali ke padang bukan sebagai penyerang, tetapi sebagai mentor dalam program 'Hari Komuniti Hoki Bersama Faizal Saari' yang julung kali diadakan.

Program klinik kejurulatihan sehari itu tampil dengan pendekatan unik yang menggabungkan latihan sukan berintensiti tinggi, pembelajaran bahasa Inggeris secara interaktif serta penghayatan nilai-nilai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Acara ini berjaya menghimpunkan lebih 100 peserta yang terdiri daripada murid sekolah rendah dan menengah dari sekitar Kuantan dan Pekan, serta pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Program anjuran bersama Pusat Sukan UMPSA dan Pusat Bahasa Moden (PBM) itu merupakan cetusan idea pasukan kejurulatihan Kelab Hoki Kampung (KHC). KHC merupakan sebuah inisiatif komuniti yang diterajui oleh warga UMPSA bersama bekas pemain hoki tempatan yang komited terhadap pembangunan sukan hoki di peringkat akar umbi.



### **Dari watak pemain ke watak mentor**

Usai mengumumkan persaraannya daripada arena hoki antarabangsa, Faizal Saari kini membuka lembaran baharu sebagai jurulatih dan mentor. Dikenali dengan kehebatan di posisi penyerang serta rekod jaringan yang mengagumkan, Faizal kini menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha membentuk generasi baharu pemain hoki negara.

Persaraannya adalah peralihan secara semula jadi. Beliau percaya pada tanggungjawab sosial untuk memberi kembali kepada masyarakat. Walaupun babak beliau sebagai pemain kebangsaan telah berakhir namun watak dalam arena sukan hoki belum tamat. Tanggungjawab dan peranan kini baharu bermula dalam bentuk yang lebih bermakna iaitu memastikan legasi sukan hoki negara terus berkembang terutamanya dalam usaha membantu membentuk atlet sukan ini sama ada di dalam atau di luar padang. Penglibatan sebagai mentor juga membuktikan bahawa penjagaan kesihatan yang seimbang adalah perlu walaupun tidak lagi bergelar sebagai atlet sukan.

### **Melentur bahasa dalam gerak: Integrasi hoki dan bahasa Inggeris untuk pendidikan holistik**

---

Keunikan program ini terserlah menerusi pendekatan inovatif yang menggabungkan pembelajaran bahasa Inggeris dalam suasana latihan sukan yang mendukung aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan 4 (Pendidikan Berkualiti). Para peserta mempelajari asas-asas permainan hoki termasuk peraturan, peralatan, dan posisi pemain menggunakan istilah bahasa Inggeris yang biasa digunakan dalam konteks antarabangsa.

Inisiatif ini bertujuan bukan sahaja untuk meningkatkan kemahiran teknikal dalam sukan, malah untuk membina kosa kata bahasa Inggeris yang berfungsi dalam suasana yang bermakna dan kontekstual. Istilah seperti *dribble*, *push pass*, *penalty corner*, dan *goalkeeper* diperkenalkan dan diperkukuh melalui demonstrasi aktif serta permainan praktikal.

Pengarah Program merangkap Guru Bahasa Kanan PBM, UMPSA dan jurulatih Kelab Hoki Kampung (KHC), Mohd Shafeirul Zaman Abd Majid percaya kepada pendekatan pembangunan holistik. Apabila sukan dimanfaatkan sebagai medium, pembelajaran bahasa menjadi lebih menarik, dapat diaplikasikan dan relevan dengan realiti kehidupan sebenar. Keadaan ini juga mencipta pengalaman bermakna kepada para peserta dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan.

### **Menyemai nilai komuniti: Sukan sebagai jambatan perpaduan**

Seterusnya, pelaksanaan program ini merupakan hasil kerjasama erat antara jabatan-jabatan di UMPSA dan komuniti. Kelab hoki KHC yang merupakan penggerak utama program ini membuktikan bahawa komuniti, institusi pengajian tinggi dan atlet negara mampu berganding untuk menjayakan sebuah program yang bermakna sebegini. Aktiviti suka secara tidak langsung menjadi jambatan kepada nilai perpaduan pelbagai pihak.

Sepanjang program sehari itu, Faizal dan jurulatih Kelab Hoki Kampung (KHC) membimbing peserta melalui sesi latihan asas, aktiviti pembentukan pasukan dan perlawanan mini yang menggalakkan semangat kesukanan. Peserta turut menerima maklum balas peribadi serta kata-kata motivasi melalui sesi soal jawab bersama Faizal yang berkongsi pengalaman tentang disiplin, kekuatan mental dan persiapan menghadapi kejohanan berprestij.

Ujar Faizal Saari, apa yang dipelajari bukanlah sekadar memperbaiki teknik. Ia tentang membina disiplin, semangat berpasukan dan minat yang mendalam serta nilai yang melangkaui padang hoki.

### **Menanam akar, menuai harapan: Impak berpanjangan kepada generasi muda**

Bagi kebanyakan peserta, program ini menjadi titik tolak pertama dalam mengikuti latihan hoki secara berstruktur serta peluang berharga bertemu ikon sukan negara. Sepanjang program, jelas terpancar semangat, fokus dan keterujaan yang bukan sahaja mencerminkan peningkatan kemahiran, tetapi juga menyemai keyakinan diri, motivasi dan minat mendalam terhadap pembelajaran berterusan. Peserta tanpa tekanan dan sedar sebenarnya mempelajari istilah-istilah bahasa Inggeris dan mengaplikasikan serta-merta.

Menurut Ketua Bahagian Pusat Sukan UMPSA, Al-Muhaimin Ali, beliau berharap agar kerjasama seperti ini diteruskan dari semasa ke semasa. Program sebegini mencerminkan visi kami dalam merapatkan jurang antara pendidikan, sukan dan pemeraksanaan komuniti. Pusat Sukan UMPSA sangat berbesar hati menyambut kehadiran ikon negara seperti Faizal Saari dan menyokong usaha membina bakat muda serta menyemai semangat cintakan sukan.

### **Legasi yang berkekalan: Sukan sebagai titik mula perubahan**

---

Tatkala matahari terbenam di Gelanggang Hoki SUKPA, jelas terpancar bahawa Hari Komuniti Hoki Bersama Faizal Saari bukan sekadar sebuah klinik kejurulatihan, tetapi satu pemangkin perubahan. Program ini menyatukan belia melalui sukan, memperkukuh kemahiran bahasa dan kehidupan, serta menggalakkan gaya hidup sihat dan pembangunan sendiri.

Peralihan Faizal Saari daripada wira negara kepada mentor komuniti menjadi simbol bahawa keunggulan sebenar tidak hanya diukur melalui pencapaian, tetapi melalui usaha mengangkat insan lain. Dengan berkongsi perjalanan dan semangatnya, beliau telah mencetus idea serta pandangan yang baharu dalam diri peserta yang mungkin mampu menjadikan mereka atlet negara pada masa hadapan.

Dengan menekankan nilai kesihatan, disiplin, *inklusivity* dan pembelajaran sepanjang hayat, program ini membuktikan bahawa pembangunan mampan boleh dimulakan melalui ruang komuniti. Apabila bakat dan kebolehan di tampilkan dan dicurahkan kepada pihak yang memerlukan maka segala ilmu dan perkongsian ini akan membentuk sebuah legasi yang berkekalan. Diharapkan para peserta juga dapat mengambil contoh dari semua pihak yang terlibat dalam program ini untuk meneruskan legasi sukan hoki negara kelak. Tindakan sederhana pada hari ini mampu menjadikan masa hadapan kelak sesuatu yang berimpak.



**Amy Zulaikha Mohd Ali**

---

E-mel : [amyzulaikha@umpsa.edu.my](mailto:amyzulaikha@umpsa.edu.my)  
Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM)  
Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA)



**Mohd Shafeirul Zaman Abd Majid**

E-mel : [shafeirul@umpsa.edu.my](mailto:shafeirul@umpsa.edu.my)  
Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM)  
Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA)



**Jamilah Bebe Mohamad**

E-mel : [jamilahbebe@umpsa.edu.my](mailto:jamilahbebe@umpsa.edu.my)  
Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM)  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

- 295 views

[View PDF](#)